

Malayan Law Journal Reports/2001/Volume 5/HOO TAT FONG (P) LWN LIM CHEUN ENG - [2001] 5 MLJ 660 -  
12 March 2001

9 pages

[2001] 5 MLJ 660

## HOO TAT FONG (P) LWN LIM CHEUN ENG

**MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)**  
**RAHMAH HUSSAIN H**  
**SAMAN PEMULA NO S4-S3-24-1021 TAHUN 1998**  
**12 March 2001**

*Family Law -- Children -- Custody -- Variation order -- Daughters in the custody of wife allegedly sexually abused and molested -- Conduct of wife -- Welfare of child of paramount importance -- Status quo -- How important a factor for consideration -- Whether child below seven years of age should be placed in custody of father -- Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 s 88(3)*

Plaintif dan defendan mempunyai tiga orang anak berumur di antara enam dan tiga tahun. Anak pertama, Lim Mun Yee, dan anak kedua, Lim Jia Yee, merupakan anak perempuan dan anak ketiga, Lim Zi Shien, merupakan anak lelaki. Satu perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 telah memberi kustodi, penjagaan dan kawalan ketiga-tiga anak kepada plaintif dan defendan diberi akses kepada ketiga-tiga anak tersebut sebanyak dua kali sebulan sahaja. Defendan telah menfailkan saman dalam kamar supaya perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 diubah atas alasan-alasan, antara lain, bahawa anak perempuan kedua telah dianiaya secara seksual oleh bapa plaintif dan telah diganggu oleh anak-anak saudara plaintif. Lim Jia Yee dan Lim Mun Yee telah mendapat pengawasan yang rapat daripada pakar-pakar perubatan dan beberapa laporan perubatan telah dikemukakan. Defendan telah juga membuat laporan polis tetapi setelah penyiasatan, keputusan pihak polis adalah bahawa kes ditutup. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan telah mengawasi ketiga-tiga kanak-kanak tersebut tetapi berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut patut berada di pangkuan plaintif. Isu untuk diputuskan adalah sama ada seorang bapa seharusnya mendapat jagaan anak-anak perempuannya yang berusia kurang dari tujuh tahun.

**Diputuskan**, membenarkan permohonan defendan:

- (1) Setelah memberi pertimbangan sewajarnya kepada fakta sekeliling kes ini dan hujahan bertulis kedua-dua peguam, demi keselamatan kedua-dua kanak-kanak iaitu Lim Mun Yee dan Lim Jia Yee, perintah bertarikh 4 Februari 1999 perlu diubah dengan memberi kustodi, hak jagaan dan kawalan kepada defendan dan akses mingguan kepada anak lelaki Lim Zi Shien dikekalkan (lihat ms 667A-B).
- (2) Sungguhpun prinsip undang-undang yang termaktub di bahagian kedua s 88(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 itu bahawa adalah tidak digalakkan untuk mengganggu kehidupan seseorang budak dengan penjurangan, tetapi dari fakta kes ini, oleh kerana ada tomanan

*[2001] 5 MLJ 660 at 661*

serius (gangguan seksual) yang melibatkan tempat tinggal mereka sekarang, demi keselamatan dan kebajikan mereka, mahkamah perlu memberi perlindungan dengan memindahkan mereka ke satu tempat yang lebih sesuai dan selamat iaitu di rumah bapa mereka sendiri (defendan), di mana mereka telah dibesarkan dan diberi jagaan oleh nenek mereka serta emak saudara mereka, sebelum perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 dibuat (lihat ms 667C-D).

- (3) Pengataan plaintif bahawa beliau telah memberi perhatian penuh kepada ketiga-tiga anak tersebut dengan berhenti bekerja dan bekerja sambilan dari rumah tidak boleh diterima kerana beliau tidak memplidkan dalam affidavit beliau apakah jenis kerja dan nama kerja/operasi beliau di rumah. Malah, defendan telah mengemukakan dokumen yang menunjukkan bahawa plaintif masih menerima gaji dari tempat kerja beliau dan fakta dan kenyataan tersebut tidak dinafikan oleh plaintif (lihat ms 668B-C).
- (4) Setelah setiap laporan perubatan dari pakar-pakar diteliti, adalah jelas laporan-laporan tersebut tidak dengan secara terus menyangkal dakwaan defendan bahawa anak-anak perempuan, khasnya anak perempuan kedua telah diganggu secara seksual oleh ahli keluarga plaintif. Tiga laporan dari pakar kanak-kanak dan 'gynaecologist' dari tiga hospital yang berlainan telah melaporkan dan menunjukkan bahawa 'there is without doubt that the child, Lim Jia Yee, has been allegedly fingered and/or molested by her cousin brothers' (lihat ms 668D-E).
- (5) Plaintif juga tidak menafikan dalam affidavit-afidavit beliau atau dalam pengujahannya terhadap laporan pakar dari Hospital Besar Kuala Lumpur bahawa datuk anak-anak tersebut, iaitu bapa plaintif sendiri turut terlibat dalam gangguan seksual ke atas Lim Jia Yee (lihat ms 668G).

### **English summary**

The plaintiff and the defendant have three children aged between six and three years. The firstborn, Lim Mun Yee, and the second child, Lim Jia Yee, are girls, while the third child, Lim Zi Shien, is a boy. A court order dated 4 February 1999 gave the custody, care and control of the three children to the plaintiff while the defendant was permitted access to the children only twice a month. The defendant filed a summons in chambers to change the court order dated 4 February 2001 on the reasons that, inter alia, the second child had been sexually abused by the plaintiff's father and had been molested by the nephews of the plaintiff. Lim Jia Yee and Lim Mun Yee were placed under close observation by medical specialists and several medical reports have been submitted. The defendant had also lodged a police report but upon investigation, the police decided that the case was closed. The

*[2001] 5 MLJ 660 at 662*

Social Welfare Department of the Federal Territory observed the three children and were of the opinion that the children should be under the care of the plaintiff. The issue to be resolved was whether a father should have the custody of his daughters under the age of seven.

**Held**, allowing the defendant's application:

- (1) Upon giving due consideration to the facts surrounding the case and the written submissions of both counsels, for the safety of the two children, namely Lim Mun Yee and Lim Jia Yee, the order dated 4 February 1999 ought to be altered to give the custody, care and control of the children to the defendant while the weekly access to the son, Lim Zi Shien, is upheld (see p 667A-B).
- (2) Although legal principles stated in the second part of s 88(3) of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 discourages interference with a child's life by changing custody, the facts of the case show that there is a serious allegation (sexual abuse) which involves the current home of the children, therefore, for their safety and welfare, the court has to protect the children by moving them to a safer and more suitable home, that is, their natural father's (the defendant's) home, where they were brought up and cared for by their grandmother and aunt before the court order dated 4 February 1999 was made (see p 667C-D).
- (3) The plaintiff's claim that she had given her three children full attention and had resigned from her job to work part-time from home cannot be accepted as she had not made a plea in her affidavit as to the nature of the job and the operation of the work from her home. In fact, the defendant had submitted a document to show that the plaintiff was still receiving wages from her workplace and the fact and statement of such was not denied by the plaintiff (see p 668B-C).
- (4) Upon the scrutiny of each medical report from the specialists, it is clear that the reports do not directly dismiss the defendant's allegation that the daughters, especially the second daughter, had been sexually

molested by the plaintiff's family members. Three reports from paediatricians and a gynaecologist from three different hospitals reported and proved that 'there is without doubt that the child, Lim Jia Yee, has been allegedly fingered and/or molested by her cousin brothers' (see p 668D-E).

- (5) The plaintiff also did not deny, in her affidavits or submissions against the specialists' reports from the Kuala Lumpur General Hospital, that the grandfather of the children, namely, her own father, was involved in the sexual molestation of Lim Jia Yee (see p 668G).

[2001] 5 MLJ 660 at 663

### **Nota-nota**

For cases on custody of children, see *7 Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) paras 2308-2321.

### **Kes-kes yang dirujuk**

*Goh Kim Hwa v Khoo Swee Huah* [1986] 2 MLJ 156

*Khoo Cheng Nee v Lubin Chiew Pau Sing* [1996] 4 MLJ 171

*Lee Soh Choo v Tan Ket Huat* [1987] 1 MLJ 255

*Teh Eng Kim v Yew Peng Siong* [1977] 1 MLJ 234

*Thavamani Deve a/p Govindasamy v N Sugumaran a/l Neelmehan & Anor* [1996] 4 MLJ 195

*W v H* [1987] 2 MLJ 235

### **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ss 88, (3), 96

*YK Raj (Jerald Gomez & Associates)* bagi pihak plaintif.

*YS Leong (Lye Poh Kham & Associates)* bagi pihak defendan.

### **RAHMAH HUSSAIN H:**

Ini adalah permohonan saman dalam kamar oleh defendan bertarikh 19 Januari 2000 supaya perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 diubah.

Perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 telah memberi kustodi, penjagaan dan kawalan ketiga-tiga anak kepada plaintif. Perintah tersebut juga telah memperuntukkan bahawa defendan diberi akses kepada ketiga-tiga anak tersebut sebanyak dua kali sebulan sahaja.

Dalam permohonan defendan, beliau telah memohon supaya beliau diberi kustodi, penjagaan dan kawalan ketiga-tiga anak tersebut. Alasan-alasan yang diberi adalah:

- (a) Anak perempuan kedua, Lim Jia Yee, telah dianiaya secara seksual (sexually abused) oleh datuknya iaitu bapa plaintif.
- (b) Anak-anak perempuan, khususnya anak perempuan kedua, Lim Jia Yee telah diganggu (molest) oleh abang-abang sepupu iaitu anak-anak saudara plaintif yang tinggal bersama dalam rumah tersebut.
- (c) Kediaman plaintif bukan tempat yang sesuai untuk ketumbuhan ketiga-tiga anak tersebut.
- (d) Plaintif tidak dapat memberi perhatian penuh kepada ketiga-tiga anak tersebut.

- (e) Ketiga-tiga anak tersebut harus diberi lebih masa bersama defendan dan bukannya dua kali sebulan sahaja.

Dalam kes ini, terdapat tiga orang anak berumur di antara enam dan tiga tahun. Sejak dilahirkan, mereka bertiga selalu di besarkan bersama dan

[2001] 5 MLJ 660 at 664

tidak dipisahkan daripada plaintif, ibu mereka. Tetapi setelah perpisahan di antara plaintif dan defendan pada 26 September 1998, di atas permohonan plaintif, mahkamah ini telah pada 4 Februari 1999, memerintahkan, inter alia, bahawa:

- (i) Kustodi, penjagaan dan kawalan ketiga-tiga adik---beradik tersebut diberi kepada plaintif;  
 (ii) Akses kepada defendan dari 1pm hari Sabtu hingga 8pm hari Ahad setiap minggu kedua dan keempat.

Atas permohonan yang sama, mahkamah telah juga pada 27 Mei 1999 memerintahkan defendan supaya membayar RM1,000 sebulan sebagai nafkah ketiga-tiga anak tersebut mulai 4 Februari 1999, pada atau sebelum 4 haribulan setiap bulan.

Pada 3 Oktober 2000, plaintif telah memfailkan Petisyen Perceraian No S4-33-1089-2000) di mana plaintif memohon supaya perkahwinan dibubarkan, kustodi, penjagaan, dan kawalan ke plaintif dan akses kepada defendan setiap minggu dari hari Jumaat, 3pm hingga hari Sabtu, 8pm, serta perintah untuk relif sampingan.

Seksyen yang mengawal pembatalan atau pengubahan perintah mengenai kustodi atau nafkah kanak-kanak adalah s 96 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ('Akta tersebut') yang berbunyi:

The court may at any time and from time to time vary, or may rescind, any order for the custody or maintenance of a child on the application of any interested person, where it is satisfied that the order was based on any misrepresentation or mistake of fact or where there has been any material change in the circumstances.

Selain daripada itu, s 88 Akta tersebut juga terpakai, umpamanya:

(2) In deciding in whose custody a child should be placed, the paramount consideration shall be the welfare of the child and subject to this, the court shall have regard --

(a) to the wishes of the parents of the child; and

(b) to the wishes of the child, where he or she is of an age to express an independent opinion.

(3) There shall be a rebuttable presumption that it is for the good of a child below the age of seven years to be with his or her mother but in deciding whether that presumption applies to the facts of any particular case, the court shall have regard to the undesirability of disturbing the life of a child by changes of custody.

(4) Where there are two or more children of a marriage, the court shall not be bound to place both or all in the custody of the same person but shall consider the welfare of each independently.

Di dalam kes *Khoo Cheng Nee v Lubin Chiew Pau Sing* [1996] 4 MLJ 171 beberapa garis panduan telah diberi:

[2001] 5 MLJ 660 at 665

The second part of s 88(3), however, stresses an underlying principle we should not overlook: 'the court shall have regard to the undesirability of disturbing the life of a child by changes of custody'. The *starting point* is, therefore, that it is undesirable to disturb the life of a child by changes of custody. A party seeking an order for custody away from their current arrangements must therefore show that what he or she offers benefits the welfare of the children better. The court must evaluate whether the improvement to the welfare of the child is sufficient to justify disturbing the life of the child by that change of custody. It has to be shown there will be positive advantages accruing for the welfare of the children by that change. Those advantages must be real and not merely promissory or speculative.

Kemudian dalam kes *Teh Eng Kim v Yew Peng Siong* [1977] 1 MLJ 234 pula, di ms 239 dan 240, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan:

The youngest child, Bernard, is of tender years (5 tahun). In my opinion, his place right now is with the mother. 'No thing, and no person, said Sir John Romilly MR, in the case of *Austin v Austin* (1865) 35 Beav 259 'and no combination of them, can, in my opinion, with regard to a child of tender years, supply the place of a mother, and the welfare of the child is so intimately connected with its being under the care of the mother, that no extent of kindness on the part of any other person can supply that place'....

Bernard has lived with his mother all these years and irreparable damage can be done to his emotional development ....

Some of the authorities convey the impression that the upset caused to a child by a change of custody is transient and a matter of small importance ... But I think a growing experience has shown that it is not always so and that serious harm even to young children may, on occasion, be caused by such a change.

Dalam beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah, termasuk kes *W v H* [1987] 2 MLJ 235 mahkamah telah menyatakan mengapa mengikut undang-undang hak kustodi, penjagaan dan kawalan kanak-kanak di bawah umur tujuh (7) tahun diberi kepada seorang ibu dan tidak kepada seorang bapa. Dalam kes *W v H* tersebut, mahkamah telah menyatakan 'Prima facie, a child of this age (dealing with a boy of four whose mother left home) ought to remain with his mother and strong grounds are required to justify taking it away.' Autoriti yang dirujuk oleh pihak defendan juga telah menyokong perkara ini, iaitu dalam kes *Thavamani Deve a/p Govindasamy v N Sugumaran a/l Neelmehan & Anor* [1996] 4 MLJ 195 di mana di ms 1038, mahkamah menyatakan:

The applicant has also failed to show that there will be significant improvement or advantages to the child's welfare such as would warrant a change of custody. In such circumstances, the *status quo* should remain as there is no evidence that the welfare of the child will be improved if the applicant is given custody.

Seterusnya terdapat beberapa laporan pakar-pakar perubatan yang telah dilampirkan kepada affidavit-afidavit plaintif dan defendan termasuk

[2001] 5 MLJ 660 at 666

laporan dari general practitioner, consultant gynaecologist, consultant paediatrician, consultant psychiatrist, consultant child and adolescent psychiatrist. Jia Yee dan Mun Yee umpamanya telah mendapat pengawasan yang rapat daripada pakar-pakar perubatan. Latarbelakang yang membuatkan kedua-dua kanak-kanak terpaksa dirujuk ke pakar-pakar perubatan adalah seperti berikut:

Pada 14 Mac 2000, defendan telah membuat tuduhan bahawa ahli-ahli keluarga plaintif telah menganiayai Jia Yee secara seksual. Defendan tidak memberitahu plaintif langsung. Plaintif telah mendapat tahu apabila pihak polis menelefonnya untuk menyoalsiasat mengenai kes ini. Plaintif dengan segera telah menghantar anaknya ke Hospital Universiti, ke SCAN Team untuk diperiksa.

Pada 25 Mac 2000 pula semasa diberi akses, defendan telah memasukkan Jia Yee dan Mun Yee ke Hospital Universiti untuk diperiksa dengan dituruti surat dari Consultant Gynaecologist Dr Wong Kok Kien di Gleneagles (sila lihat eksh LCE-14 - kandungan 25). Mun Yee dan Jia Yee diwadkan selama dua minggu, sepanjang masa itu untuk diperiksa.

Hasil pemeriksaan intensif serta 'follow-up treatment' dan 'consultation' oleh pakar-pakar Hospital Universiti, laporan-laporan telah dikeluarkan oleh pakar consultant gynaecologist, consultant pathologist dan consultant

psychiatrist.

Pada 12 Mei 2000, sekali lagi defendan telah memasukkan Jia Yee ke hospital dengan tuduhan yang sama tetapi walaupun Hospital Universiti mempunyai semua rekod-rekod Jia Yee, beliau telah kali ini pula memasukkannya ke hospital yang lain, iaitu Hospital Besar Kuala Lumpur ('GH') di mana Jia Yee telah diwadkan selama dua minggu.

Setelah pemeriksaan dan pengawasan intensif bersama dengan 'follow-up consultation', dua laporan telah dikeluarkan oleh dua orang pakar di Hospital Besar Kuala Lumpur, iaitu Consultant Paediatrician, Dr Irene Cheah dan Consultant Child and Adolescent Psychiatrist, Dr Toh Chin Lee (sila lihat eksh LCE-32 dan LCE-33 - kandungan 36).

Terdapat juga banyak laporan polis yang dibuat oleh defendan yang mengandungi tuduhan bahawa anak-anak tersebut, khususnya Jia Yee, telah dianiayai secara seksual. Pihak polis telah dengan segera menyalut tuduhan-tuduhan tersebut. Chief Inspektor Tan, iaitu Pegawai Penyalut Seksual D9B, Kuala Lumpur, telah menyoal kesemua pihak dan menjalankan penyalutan memandangkan tuduhan yang begitu serius yang melibatkan kanak-kanak begitu muda.

Setelah penyalutan, keputusan pihak polis adalah bahawa kes ditutup kerana tiada apa-apa unsur jenayah (cabul kehormatan) yang dapat dibuktikan melalui salutan polis. (Sila lihat eksh HTF-6 - kandungan 26).

Sejak tuduhan pertama yang dibuat oleh defendan bahawa Jia Yee dianiayai, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan telah dan sedang mengawasi ketiga-tiga kanak-kanak tersebut.

[2001] 5 MLJ 660 at 667

Tetapi setelah mengawasi kes ini secara rapat, Jabatan Kebajikan masih berpendapat bahawa kanak-kanak tersebut patut berada di pangkuan plaintif, ibu mereka (sila lihat eksh HTF-7C - kandungan 26).

Setelah memberi pertimbangan sewajarnya kepada fakta sekeliling kes ini dan hujahan bertulis kedua-dua peguam, saya berpuas hati bahawa demi keselamatan kedua kanak-kanak iaitu Lim Mun Yee dan Lim Jia Yee, perintah bertarikh 4 Februari 1999 perlu diubah dengan memberi kustodi, hak jagaan dan kawalan kepada defendan dan akses mingguan kepada anak lelaki Lim Zi Shien dikekalkan.

Alasan saya membuat keputusan sebegitu adalah seperti berikut:

Sungguhpun prinsip undang-undang yang termaktub di bahagian kedua s 88(3) Akta tersebut bahawa tidak digalakkan mengganggu kehidupan seseorang budak dengan penukaran jagaan, tetapi dari fakta kes ini, oleh kerana ada tomanan serius (gangguan seksual) yang melibatkan penghuni-penghuni tempat tinggal mereka sekarang, maka pendapat saya, demi keselamatan dan kebajikan mereka, mahkamah perlu memberi perlindungan dengan memindahkan mereka ke satu tempat yang lebih sesuai dan selamat iaitu di rumah bapa mereka sendiri (defendan), di mana mereka telah dibesarkan dan diberi jagaan oleh nenek mereka serta emak saudara mereka, sebelum perintah mahkamah bertarikh 4 Februari 1999 dibuat.

Keputusan saya tersebut diperkuatkan lagi dengan berpandukan kes *Thavamani Deve a/p Govindasamy v N Sugamaram a/l Neel mehan & Anor* [1996] 4 MLJ 195 di mana Abdul Wahab Patail PK (pada masa itu) telah berkata di ms 1042 perenggan 40 dan perenggan 45 hingga perenggan 1 di ms 1043:

There is generally a presumption that a young child is better off with its mother than father. It is, however, only a presumption and not of its own necessarily a decisive factor. It must be weighed together with all other factors relevant to the question of the primary consideration, which is the welfare of the child.

From the point of view of the welfare of the child, the familiarity and certainty of what the child is used to now, living with the first and second defendant is preferable to the unfamiliarity and uncertainty of life in Taiping.

Seterusnya beliau berkata: (di perenggan 5 baris 3 hingga baris 5):

The child in fact had always stayed with the defendants, who are the natural father and the paternal grandmother respectively.

(Ms 1043 - perenggan 5-10):

Dalam kes *Lee Soh Choo v Tan Ket Huat* [1987] 1 MLJ 255 pula, Siti Norma Yaakob H (pada masa itu) telah berkata (ms 256 perenggan D):

On the other hand, the children are still at the matrimonial home, an environment they have been used to and adapted to since they were very young. They are being taken care of by the respondent and his mother and the elder of the two children attends a kindergarten that has reported that she has adapted very well to school life and enjoys going to school.

[2001] 5 MLJ 660 at 668

Satu lagi kes yang menyokong pendapat saya ialah *Goh Kim Hwa v Khoo Swee Huah* [1986] 2 MLJ 156 di mana telah diputuskan seperti berikut:

Held: (1) a material change in circumstances had occurred in this case that warranted an order of change of custody, subject to what the three children had to say for themselves.

Plaintif dalam usahanya untuk menunjukkan bahawa beliau telah memberi perhatian penuh kepada ketiga-tiga anak tersebut telah mengatakan bahawa beliau telah berhenti kerja dan kini sedang bekerja sambilan di rumah. Tetapi pengatahan tersebut telah dinafikan oleh defendan dalam affidavit jawapannya apabila defendan mengemukakan dokumen yang menunjukkan bahawa plaintif masih menerima gaji dari tempat kerja beliau. Fakta dan kenyataan tersebut tidak dinafikan oleh plaintif. Plaintif juga tiada memplidkan dalam affidavit beliau jenis kerja dan nama kerja/operasi beliau di rumah. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa keseluruhan pengatahan plaintif tidak boleh diterima.

Plaintif juga telah merujuk kepada laporan-laporan dari pakar-pakar perubatan dan telah menafi dakwaan defendan bahawa anak-anak perempuan khususnya anak perempuan kedua, Lim Jia Yee, telah diganggu secara seksual oleh ahli keluarga plaintif. Tetapi setelah setiap laporan perubatan dari pakar-pakar tersebut diteliti, adalah jelas laporan-laporan tersebut tidak dengan secara terus menyangkal dakwaan tersebut. Tiga laporan dari pakar kanak-kanak dan gynaecologist dari tiga hospital yang berlainan telah melaporkan dan menunjukkan bahawa 'there is without doubt that the child, Lim Jia Yee has been allegedly fingered and/or molested by her cousin brothers'. Maka adalah tidak adil untuk mengatakan bahawa insiden-insiden tersebut tiada berlaku hanya kerana mangsa-mangsa tersebut tidak dapat memberi penerangan yang jelas. Dakwaan tersebut telah pada awalnya disokong oleh pakar dari Hospital Gleneagles. Oleh itu, pada pendapat saya, ianya tidak boleh diabaikan begitu sahaja hanya berdasarkan alasan bahawa mangsa-mangsa terlalu kecil untuk dipercayai. Sebelum sesuatu perkara yang lebih serius berlaku adalah baiknya dari segi kebajikan kedua-dua kanak-kanak agar mereka dipindahkan ke satu tempat yang lebih selamat iaitu di rumah bapa mereka sendiri.

Plaintif juga tidak menafikan dalam affidavit-afidavit beliau atau dalam penghujahannya terhadap laporan pakar dari Hospital Besar Kuala Lumpur bahawa datuk anak-anak tersebut, iaitu bapa plaintif sendiri turut terlibat dalam gangguan seksual ke atas Lim Jia Yee. Dakwaan tersebut telah dibuat oleh Lim Jia Yee sendiri kepada pakar kanak-kanak dalam hospital tersebut semasa ianya berada di hospital untuk pemerhatian (observation).

Mengenai anak ketiga, iaitu seorang kanak-kanak lelaki yang baru berumur tiga tahun, saya mengekalkan perintah bertarikh 4 Februari 2001 kerana saya berpuas hati bahawa dari segi kebajikan beliau, adalah lebih baik untuk beliau terus dijaga oleh ibunya sendiri.

[2001] 5 MLJ 660 at 669

Di atas alasan-alasan tersebut saya telah membenarkan permohonan defendan.

*Permohonan defendan dibenarkan.*

Reported by Dilaporkan oleh Moy Saw Han